
Kajian Keberkesanan Penggunaan e-Book Dalam Pembelajaran Bagi Subjek Vehicle Dynamics Di Politeknik Malaysia

M. Z. Zainal¹, N. Buyamin², N.F. Zainal³

^{1,2} Jabatan Kejuruterann Mekanikal, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak, Malaysia
E-mail: zakizainal@puo.edu.my; nsheila@puo.edu.my

³ SMK Taman Desa Skudai, Skudai, Johor, Malaysia
E-mail: g-88013262@moe-dl.edu.my

Abstrak

Keberkesanan penggunaan buku elektronik (*e-book*) dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dikaji bagi mengenalpasti tahap penguasaan pelajar di dalam kelas. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah disebabkan pencapaian pelajar terhadap kursus ini tidak mencapai tahap minimum dalam *Course Learning Outcome (CLO)* yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar yang mengambil subjek *Vehicle Dynamics* di seluruh Politeknik Malaysia menggunakan kaedah soalan kaji selidik. Soalan kajiselidik telah diedarkan kepada pelajar secara rawak dengan menggunakan *Google Form*. Seramai 108 orang pelajar Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) daripada Politeknik Malaysia telah menjawab kajian ini dan analisis deskriptif telah dijalankan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Hasil dapatan daripada kajian ini didapati nilai min purata bagi tahap keberkesanan penggunaan e-book ialah 4.525 dan sisihan piawai purata ialah 0.619. Ini membuktikan bahawa penggunaan *e-book sebagai* alat bantu mengajar dapat diadaptasi oleh pelajar dan memberi impak yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

Kata Kunci: *Buku elektronik e-book, Politeknik Malaysia, Vehicle Dynamics.*
